

PERATURAN KEDIAMAN PELAJAR UPM

1. Kebersihan rumah/bilik adalah tanggungjawab bersama. Penghuni hendaklah memastikan ruang bilik, rumah dan koridor sentiasa dalam keadaan kemas dan bersih.
2. Sampah setiap bilik hendaklah dibuang ke dalam tong sampah awam setiap hari.
3. Penghuni dilarang membuang segala jenis sampah/barang melalui tingkap.
4. Cadar dan sarung bantal mesti digunakan setiap masa.
5. Penghuni dilarang menampal, menconteng dan mengotor permukaan perabot, dinding dan sebagainya.
6. Menyidai pakaian hanya di ampaian yang disediakan.
7. Suis lampu dan kipas hendaklah dimatikan apabila meninggalkan bilik.
8. Penghuni dilarang membuat atau mengubahsuai sambungan elektrik/internet.
9. Peralatan elektrik yang dibenarkan adalah radio (*watt* sederhana), pengecas bateri telefon bimbit, komputer dan pencetak.
10. Penghuni dilarang membawa dan memelihara binatang peliharaan (*pets*) dalam rumah/bilik.
11. Penghuni dilarang memasak dalam bilik di blok kediaman.
12. Penghuni tidak dibenarkan memindah, menukar atau mengubahsuai setiap peralatan yang ada di dalam rumah/bilik.
13. Penghuni rumah/bilik dilarang menumpangkan orang lain tinggal bersama tanpa kebenaran pihak Pengurusan Kolej.
14. Penghuni dilarang membawa masuk pelajar/orang luar yang berlainan jantina ke rumah/bilik.
15. Penghuni dilarang membawa basikal atau motosikal ke dalam bilik/ rumah. Kenderaan hendaklah diletakkan di tempat yang telah disediakan.
16. Tidak dibenarkan bertukar rumah/bilik/*partition* tanpa kebenaran Pengetua Kolej.
17. Penghuni dilarang mengambil, membawa dan menyimpan minuman keras, dadah, bahan-bahan lucah, senjata, rokok dan bahan-bahan yang terlarang.
18. Penghuni dilarang membuat bising dan mengganggu ketenteraman awam.
19. Kemudahan dan keadaan rumah/bilik anda telah direkodkan. Pemeriksaan inventori bilik akan dilakukan pada setiap sesi. Penghuni yang berdaftar pada bilik berkenaan akan menanggung denda perilaku sebanyak RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh sahaja) atau kos baik pulih/ ganti (mengikut harga semasa) jika kerosakan pada kemudahan bilik disebabkan vandalisme oleh penghuni bilik.
20. Penghuni yang melanggar peraturan kediaman pelajar akan dikenakan tindakan berdasarkan Arahan Tetap Kolej Kediaman Pindaan Tahun 2015 atau boleh dikenakan tindakan mandatori dibuang kolej.

“PENGHUNI TIDAK DIBENARKAN MENANGGAL NOTIS INI”